

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HGM 434 - Geografi Pengangkutan

Tarikh: 18 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan sahaja.

1. Bentangkan secara ringkas rangka konseptual oleh Rimmer tentang geografi pengangkutan sosial. Apakah sifat-sifat yang membezakan rangka ini daripada kajian-kajian yang bercorak kuantitatif dalam bidang pengangkutan?
2. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, tuliskan nota-nota yang menerangkan sebarang dua(2) daripada yang berikut:
 - (a) model organisasi semula reruang oleh Janelle
 - (b) tukar-ganti (trade-off) di antara komunikasi dan pengangkutan dan kesan reruangnya
 - (c) pengaruh kos pengangkutan dalam perletakan kegiatan-kegiatan ekonomi (bagi sebarang satu mod pengangkutan).
3. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai bentangkan ukuran-ukuran utama yang menerangkan struktur rangkaian pengangkutan. Bagaimanakah ukuran-ukuran ini telah (dan boleh) digunakan untuk meneliti pertalian di antara perkembangan pengangkutan dan perkembangan ekonomi?
4. Jawab kedua-dua (a) dan (b):
 - (a) Huraikan bagaimana model-model graviti dan entropi adalah berkaitan dengan model interaksi ruang oleh Ullman.
 - (b) Bincangkan batasan-batasan model graviti dalam kefahaman kita tentang aliran-aliran pengangkutan. Jelaskan dengan contoh-contoh yang sesuai.

.../2

5. Jawab kedua-dua (a) dan (b):
 - (a) Apakah yang dimaksudkan dengan konsep "dinamisme ujud-awal" dalam kajian-kajian pengangkutan?
 - (b) Bincangkan kebaikan dan kelemahan analisis manfaat-kos untuk menilai kesan-kesan projek pengangkutan.
6. Pengangkutan awam di kawasan bandar sebenarnya bukanlah suatu perkhidmatan awam. Adakah anda setuju? Jelaskan dengan merujuk kepada justifikasi-justifikasi bagi campur tangan kerajaan dalam sektor pengangkutan di kawasan bandar.
7. Bentangkan proses perancangan pengangkutan bandar yang berasaskan pola gunatanah di kawasan bandar. Mengapakan proses perancangan ini patut diubahsuai sebelum ia digunakan di Dunia Ketiga.

-ooo000ooo-